

19 NOV 1998

Mahkamah-Anwar

RAYUAN IKAT JAMIN ANWAR DIDENGAR 28 NOV INI

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung permohonannya supaya beliau dibenarkan diikat jamin akan didengar di Mahkamah Rayuan di sini 28 Nov ini.

Permohonannya sebelum ini ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 5 Okt.

Peguam Anwar, S.N. Nair apabila dihubungi mengesahkan tarikh rayuan itu dan berkata Anwar telahpun dimaklumkan mengenai perkara itu. Notis rayuan itu difailkan pada 13 Okt lepas.

Beliau bagaimanapun akan membuat satu kenyataan rasmi berhubung perkara itu pada 23 Nov ini, pada hari perbicaraan bekas timbalan perdana menteri itu yang menghadapi empat tuduhan rasuah berhubung salahlaku seks.

Anwar, yang dibebaskan daripada tahanan ISA pada 14 Okt setelah ditahan pada 20 Sept, kini ditahan di Penjara Sungai Buloh setelah tidak dibenarkan diikat jamin dalam menghadapi perbicaraannya.

Anwar yang dihadapkan di Mahkamah Tinggi pada 5 Okt terhadap 10 pertuduhan, masing-masing lima pertuduhan melakukan rasuah dan seks di luar tabii, mengaku tidak bersalah bagi kesemua pertuduhan itu.

Sementara itu, peguam Karpal Singh ketika ditemui pemberita berkata beliau telah menyerahkan saman kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia berhubung kes saman Anwar terhadap kedua-duanya bagi mencabar pemecatannya daripada Kabinet pada 2 Sept lepas.

Karpal Singh yang mewakili Anwar dalam kes samannya itu, berkata beliau menyerahkan saman itu kepada kedua-dua defendan melalui Peguam Negara pada tengah hari, Selasa.

Anwar yang memfailkan saman itu pada 13 Nov lepas, menamakan Dr Mahathir sebagai defendan pertama dan kerajaan Malaysia sebagai defendan kedua.

Dalam saman itu, Anwar memohon perisytiharan mahkamah bahawa pemecatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan adalah tidak mengikut perlembagaan.

-- BERNAMA

KLS JA RON